

Penyampai : DATIN SERI JEANNE BINTI ABDULLAH
Tajuk : UCAPAN PELANCARAN KEMPEN BERSEPADU KESELAMATAN JALAN RAYA
SEMPENA MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2008
Lokasi : STESEN SENTRAL, KUALA LUMPUR
Tarikh : 02-02-2008

1. TERLEBIH DAHULU SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ILAHI SERTA MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK KEMENTERIAN PENGANGKUTAN KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA SEKALI LAGI BAGI MERASMIKAN MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BERSEPADU KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2008 PADA PETANG INI.

2. SETIAP KALI PADA MUSIM PERAYAAN TIBA BERITA-BERITA KEMALANGAN JALAN RAYA SENTIASA MENJADI TAJUK-TAJUK UTAMA DI SEMUA MEDIA TEMPATAN. TENTU SEKALI KITA TIDAK MAHU MENDENGAR ATAU MELIHAT BERITA-BERITA SEBEGINI.

3. KITA SEDIA MAKLUM BAHAWA MAJORITI PEMANDU YANG BERLESEN TERDIRI DARIPADA GOLONGAN DEWASA. SEBAGAI ORANG DEWASA KITA BOLEH BERFIKIR SENDIRI MENGENAI PENTINGNYA KESELAMATAN DI JALAN RAYA. KEBANYAKAN KES KEMALANGAN JALAN RAYA DISEBABKAN OLEH FAKTOR KECUAIAN PEMANDU SENDIRI BERSIKAP TIDAK SABAR SUKA BERLUMBA DAN TIDAK BERHEMAH TERHADAP PENGGUNA JALAN RAYA LAIN. PARA PENGGUNA JALAN RAYA PERLU MENGUBAH SIKAP DAN MINDA SERTA MEMBERIKAN KEUTAMAAN KEPADA ASPEK KESELAMATAN SEWAKTU MEMANDU.

4. TANGGUNGJAWAB MENJAGA KESELAMATAN DI JALAN RAYA BUKANLAH TANGGUNG JAWAB PIHAK KERAJAAN SEMATA-MATA. IA MELIBATKAN PERANAN SEMUA PIHAK. JUSTERU, SAYA BERPENDAPAT BEBERAPA PROGRAM BOLEH DIKETENGAHKAN DALAM USAHA MENINGKATKAN KESEDARAN SERTA MENDIDIK PENGGUNA JALAN RAYA.

5. PENDIDIKAN AWAL BERMULA DI SEKOLAH. SEHUBUNGAN ITU, SAYA INGIN MENCADANGKAN SUPAYA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN BERGABUNG TENAGA DENGAN KEMENTERIAN PELAJARAN SERTA PIHAK SWASTA UNTUK MENGAKTIFKAN KEMBALI KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DI SEKOLAH.

6. MANAKALA DI RUMAH PULA IBU BAPA BERTANGGUNG JAWAB UNTUK MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PEN-CEGAHAN AWAL BAGI MENINGKATKAN KESELAMATAN DIRI DAN ANAK-ANAK . PADA MASA YANG SAMA IBU BAPA PERLU MEMBERI PENJELASAN KEPADA ANAK-ANAK MENGENAI PENTINGNYA AMALAN MEMAKAI TALI PINGGANG SERTA TOPI KELEDAR. JANGAN BIARKAN ANAK-ANAK BERGERAK BEBAS DALAM KENDERAAN YANG SEDANG BERGERAK KERANA KELAKUAN SEPERTI INI AMAT MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN MEREKA DAN BOLEH MENGUNDANG MUSIBAH DI JALAN RAYA.

7. KEMPEN-KEMPEN BERSEPADU OLEH MEDIA MASSA JUGA HARUS DITINGKATKAN LAGI. MESEJ KESELAMATAN JALAN RAYA PERLU DIHEBAHKAN KEPADA MASYARAKAT DARI MASA KE

SEMASA.

8. USAHA-USAHA UNTUK MENGATASI ISU-ISU KESELAMATAN JALAN RAYA MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB YANG PERLU DI ATASI BERSAMA OLEH SEMUA PIHAK TIDAK KIRA SAMADA KERAJAAN, SWASTA, N.G.O SERTA SETIAP WARGA MALAYSIA. KERJASAMA DAN SOKONGAN DARIPADA SEMUA PIHAK AKAN MEMBERI KESAN YANG POSITIF UNTUK MENJADIKAN JALAN RAYA KITA SELAMAT DAN MENGURANGKAN KADAR KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN JALAN RAYA.

9. SAYA YAKIN RAKYAT MALAYSIA YANG SEMEMANGNYA MEMILIKI SIFAT BERBUDI BAHASA DAN BERHEMAH TINGGI BOLEH MENGAMALKAN SIKAP YANG SAMA INI KETIKA DI JALAN RAYA.

10. AKHIR KATA JADILAH PEMANDU CERMAT AGAR JIWA KITA DAN MEREKA YANG DI SAYANGI SELAMAT.

11. DENGAN ITU MAKA SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PELANCARAN KEMPEN BERSEPADU KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA TAHUN BARU CINA 2008.

12. SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH. AND GONG XI FAT CHAI TO ALL OF YOU.

SEKIAN, TERIMA KASIH.